

**29/05/2014 - Majlis Amanat KSN Dan Penyampaian Surat Pemangkuan  
PTD Gred M44**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal,  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia;

Yang Berbahagia Dato' Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad,  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan);

Yang Berbahagia Dato' Seri Zainal Rahim bin Seman,  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi);

Yang Berbahagia Dato' Mohtar bin Mohd Abd Rahman,  
Pengarah Bahagian Perkhidmatan JPA;

Pengarah-pengarah Bahagian JPA;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang diraikan pada hari ini.

1. *Alhamdulillah*, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya jua, kita diberi kesempatan untuk hadir bersama di Majlis Penyampaian Surat Pemangkuan PTD Gred 44 pada petang ini. Saya difahamkan bahawa sejumlah **1,060 Pegawai Tadbir dan Diplomatik Lantikan Tahun 2009 dan sebelumnya** telah dipertimbangkan untuk urusan pemangkuan ke Gred M44 kali ini. Daripada jumlah ini, seramai **990 layak untuk memangku M44**, manakala **12 orang** lagi pegawai akan diberi pemangkuan setelah **tamat Cuti Belajar. Baki 58 pegawai pula tidak layak dipertimbangkan** kerana belum disahkan dalam perkhidmatan, tidak diperaku oleh Ketua Jabatan, penilaian potensi yang lemah dan tindakan tatatertib. Jelas

bahawa bukan semua yang layak untuk memangku M44, dan kepada anda yang berada di sini petang ini, tahniah dan syabas saya ucapkan!

2. Saya percaya hari ini merupakan satu hari yang amat bermakna dalam kerjaya tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Anda semua telah berjaya ke tahap yang lebih tinggi dalam perkhidmatan masing-masing. Namun, kita tidak harus leka dan alpa akan pengertian sebenar di sebalik tanggungjawab baru yang bakal digalas, dan cabaran-cabaran masa hadapan yang akan menguji keupayaan fizikal, mental dan peribadi kita.

### **AMANAT YAB PERDANA MENTERI**

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Pada petang yang mulia ini, saya ingin mengingatkan saudara-saudari sekalian tentang saranan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kita semasa perhimpunan Hari Pekerja Perkhidmatan Awam pada 1 Mei. Beliau telah menyarankan agar penjawat awam mempunyai **lima ciri** dalam **menghadapi arus cabaran semasa**:
  - i. **Berilmu**. Penjawat awam hendaklah memastikan mereka sentiasa berilmu pengetahuan, kreatif, inovatif dan mampu menjadi contoh kepada masyarakat.
  - ii. **Kebilehpercayaan**, meliputi sifat jujur, amanah, integriti dan diyakini serta mempunyai nilai-nilai murni sejagat yang dipercayai oleh masyarakat.
  - iii. **Budaya Amalan Kerja Terbaik**, yang merupakan cerminan kewibawaan penjawat awam yang melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi bagi memberikan perkhidmatan yang cemerlang.
  - iv. **Semangat Patriotik** dengan menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Raja, Negara dan Kerajaan seperti yang digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan.
  - v. **Budaya Keberhasilan Yang Berteraskan Outcome**, bagi meningkat mutu dan kualiti kerja dengan bersandarkan kepada petunjuk prestasi utama (KPI).

4. Saya pasti bahawa dengan menjiwai lima ciri ini, dan pada masa yang sama, memegang erat kepada enam prinsip yang digariskan di bawah konsep **Merakyatkan Perkhidmatan Awam**, kita akan menjadi **penjawat awam yang berintegriti, prihatin kepada kehendak rakyat, mampu mencapai ekspektasi mereka**, dan **menyumbang secara langsung kepada pembangunan negara**.
5. Ke arah ini, prestasi Program Transformasi Kerajaan atau GTP, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 12 Mei 2014, juga boleh dibanggakan oleh penjawat awam. **Ketujuh-tujuh Bidang Keberhasilan Utama atau NKRA** telah melebihi sasaran pencapaian iaitu **104 peratus**. Menurut laporan **World Competitiveness Yearbook** yang diterbitkan minggu lepas pula, daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa juga telah **meningkat ke kedudukan ke-12** dari kedudukan ke-15 pada tahun sebelumnya.
6. Sebahagian besar pencapaian ini adalah hasil daripada usaha kita semua sebagai penjawat awam yang telah berjaya melaksanakan amanah yang diberikan dengan sempurna. Jangan lupa bahawa **penjawat awam merupakan tulang belakang kepada pembangunan negara**, dan sumbangan saudara-saudari sekalian adalah amat penting bagi memastikan Wawasan 2020 tercapai, dan negara kita menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Memetik kata-kata Ghandi: "This country will not be a good place for any of us to live in unless **we** make it a good place for all of us to live in."

## **PEMBANGUNAN DIRI DAN PROGRAM FAST-TRACK**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan dapat **meneruskan prestasi kerja yang cemerlang, dan menunjukkan sikap positif dan berintegriti** dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam. Dalam menelusuri kerjaya tuan-tuan dan puan-puan yang masih panjang, harapan saya juga adalah agar anda semua dapat memberi nilai tambah (*value-add*) terhadap organisasi masing-masing di samping meningkatkan lagi kemahiran dan kompetensi diri.
8. Saya dimaklumkan bahawa daripada 990 pegawai yang berada di depan saya ini, kurang dari 10% sahaja yang mempunyai ijazah sarjana ataupun *Masters degree*. Selaras dengan itu, pegawai-pegawai **digalakkan untuk meneruskan pengajian ke peringkat sarjana**, samada secara sepenuh masa ataupun separuh masa bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi diri. Kelayakan di peringkat ijazah sarjana di masa hadapan akan menjadi satu keperluan dalam kemajuan kerjaya

seseorang pegawai, di samping perlu memenuhi kriteria lain seperti kecemerlangan perkhidmatan dan potensi untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi.

9. Sebagai inisiatif berterusan Kerajaan dalam menggilap bakat yang ada di dalam perkhidmatan awam, sukacita saya maklumkan bahawa salah satu daripada program transformasi yang sedang dilaksanakan oleh JPA iaitu **Program “Fast-Track”** akan diperkenalkan secara lebih menyeluruh. Ini bermakna, terdapat di kalangan tuan-tuan dan puan-puan yang bakal memangku M44 dan selepas disahkan kenaikan pangkat, boleh dipertimbangkan pula untuk pemangkuan ke Gred M48.
10. Penempatan pula akan dibuat di jabatan-jabatan yang strategik di dalam dan luar negara, di samping pembangunan kepimpinan secara berterusan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan. Kumpulan ini adalah umpama berlian di antara berlian, dan akan dibentuk dan digilap bagi menjadi **pelapis kepada kepimpinan perkhidmatan awam** pada hari ini. Diharap dengan adanya platform sebegini, **wujud persaingan yang lebih sihat** di kalangan tuan-tuan dan puan-puan untuk menonjolkan bakat dan kemampuan yang ada di dalam diri setiap individu.

## **PESANAN**

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya memberi sedikit pesanan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian:

### **Kebajikan**

- Jangan terlalu bimbang tentang peluang kenaikan pangkat ataupun manfaat yang diterima sebagai penjawat awam. Apa yang penting adalah tuan-tuan dan puan-puan bekerja dengan **ikhlas, berdedikasi dan jelas akan bertanggungjawab** sebagai seorang penjawat awam, dan yakinlah bahawa **kebajikan tuan-tuan dan puan-puan akan sentiasa dijaga**.
- Sebagai contoh, bagi mengatasi masalah di mana penjawat awam sukar untuk memiliki rumah, Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) telah diperkenalkan pada tahun lepas. Pihak Kerajaan prihatin akan masalah yang dihadapi dan akan mencari penyelesaian yang terbaik untuk memastikan kebajikan penjawat awam terjaga.

## **Bersyukur**

- Saya juga ingin menegaskan bahawa Kerajaan sering memikirkan yang terbaik untuk rakyat. Kita juga adalah rakyat. Tiada sebarang dasar yang diputuskan kalau bukan untuk kebaikan rakyat secara keseluruhannya. Kita wajib **bersyukur dengan apa yang telah diberikan**, bukan bersama mengkritik setiap tindakan dan pelaksanaan dasar Kerajaan. *In our capacity as public servants, we must be loyal to the Government of the day and carry out our duties professionally.*

## **Berfikir Secara Kritis dan Kritikal**

- Pegawai muda perlulah **berfikir secara kritis dan kritikal**. Keluarkan lebih banyak idea baru dan mencabar *status quo* tetapi cara menyampaikan idea tersebut haruslah secara berhemah dan melambangkan keluhuran peribadi pegawai-pegawai Skim PTD.

## **Berintegriti**

- Saya mengingatkan diri sendiri dan Tuan-tuan dan Puan-puan bahawa tanggungjawab datang bersama amanah manakala amanah adalah **teras integriti**. Kita tahu betapa sukarnya mengangkat besi yang berat dan sukarnya memikul batu yang besar tetapi percayalah, tanggungjawab dan amanah itu lebih sukar.

## **PENUTUP**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

12. Sekali lagi, saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pegawai yang terlibat di dalam urusan pemangkuan ke PTD Gred M44. Saya berharap agar semua yang diraikan hari ini akan terus mengekalkan rentak kecemerlangan, melonjakkan transformasi Perkhidmatan Awam dan mendukung usaha murni Kerajaan berpaksikan kesejahteraan dan kemakmuran Negara.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.